

03/01/1997

Nik Aziz dicabar sebut 3 perkara

Azman Mahmood; Manzaidi Mohd Amin

MACHANG, Khamis - Umno Kelantan mencabar Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat membuat kenyataan terbuka mengenai tiga perkara yang perlu diketahui rakyat tetapi dilindungi oleh pemimpin Pas negeri itu.

Dua daripada perkara itu didakwa berunsur penyelewengan dan perlu disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Satu lagi mengenai isu Ahli Parlimen Kubang Kerian, Mohamad Sabu yang dituduh berkhawat dengan Norma Abdul Halim, yang bebas daripada tuduhan itu supaya dibicarakan semula.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ibrahim Ali, berkata Menteri Besar perlu membuat kenyataan terbuka bahawa beliau tiada halangan untuk BPR menyiasat Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Hassan Abdullah yang didakwa dalam surat layang menerima habuan RM100,000 daripada pasar raya Mydin kerana meluluskan Sijil Kelayakan Menduduki (CF).

Menurutnya, Nik Abdul Aziz juga perlu menulis surat kepada Sultan Kelantan dan membuat kenyataan beliau tidak ada halangan kes Mohamad Sabu itu dibicarakan semula bagi menegakkan keadilan dan memulihkan imej pentadbiran Islam Kelantan.

Selain itu, katanya, BPR juga perlu dibenarkan menyiasat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan membabitkan isu pembelian saham bernilai RM12.4 juta.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut tarikh sebenar pembelian saham oleh PKINK itu.

"Saya mencabar Nik Abdul Aziz dan pemimpin Pas lain membuat kenyataan terbuka seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir hari ini bahawa BPR boleh menyiasat isu Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

"Kita mahu Pas juga membuat kenyataan terbuka seperti Perdana Menteri bahawa Barisan Nasional (BN) sebuah kerajaan dan parti yang sentiasa boleh disiasat dan pemimpin yang salah tidak dilindungi undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis dialog dengan jentera penerangan Umno, di Pejabat Penerangan Machang, di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Aziz Samsuddin dan Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor.

Beliau yang juga Ketua Penerangan Umno Kelantan mendedahkan sekarang ini ada tauke balak yang dilantik Pas supaya membeli pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Chondong menjelang hari pengundian DUN itu Isnin ini.

"Ini semua berunsur rasuah dan membeli undi, jadi saya minta Menteri Besar membuat penjelasan," katanya.

(END)